



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Tujuan	3
2.	Peranan dan Tanggungjawab	3
2.1.	Pentadbir Sekolah	4
2.2.	Guru Penasihat Sukan dan Kokurikulum	5
3.	Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum	6
3.1.	Sebelum	6
3.2.	Semasa	6
3.3.	Selepas	7
4.	Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum dengan penglibatan Agensi Luar	8

Tujuan

- 1.1. Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pentadbir serta guru di sekolah rendah, sekolah menengah, Kolej Vokasional dan Kolej Tingkatan Enam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM.
- 1.2. Garis Panduan ini hendaklah **dibaca bersama-sama** dengan:
 - 1.2.1. Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (rujukan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2020 bertarikh 4 Jun 2020);
 - 1.2.2. *Standard Operating Procedure* (SOP) Pembukaan Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS); dan
 - 1.2.3. surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.
- 1.3. Garis panduan ini **juga merangkumi pelaksanaan aktiviti sukan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP)**.

1. Peranan dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab umum pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

1.1. Pentadbir Sekolah

- 2.1.1. **memaklumkan kepada guru/jurulatih** bahawa aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka termasuk **amali di luar bilik darjah** dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) serta Sains Sukan **adalah dibenarkan** dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan;
- 2.1.2. **mengadakan sesi taklimat prosedur** pelaksanaan aktiviti kepada guru/jurulatih serta warga sekolah;
- 2.1.3 **memberikan penerangan dan kefahaman berterusan** kepada murid dan guru/jurulatih mengenai kepentingan amalan penjarakan fizikal, kebersihan serta keselamatan diri bagi mencegah penularan jangkitan COVID-19;
- 2.1.4. **menyebarkan prosedur dan panduan** pelaksanaan aktiviti supaya mudah dirujuk oleh guru serta murid;
- 2.1.5. **memaklumkan jadual terkini** aktiviti kepada ibu bapa/penjaga;
- 2.1.6. memastikan **murid yang bergejala tidak dibenarkan** menyertai aktiviti;
- 2.1.7. memastikan murid mempunyai **imuniti badan yang rendah mendapat kebenaran daripada ibu bapa/ penjaga** sebelum menyertai aktiviti;
- 2.1.8. memastikan aktiviti yang dijalankan oleh guru **mematuhi prosedur** yang telah ditetapkan;

- 2.1.9. memastikan **penganjuran pertandingan/kejohanan dilaksanakan berdasarkan SOP yang sedang berkuatkuasa** dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan; dan
- 2.1.10 memberi **penekanan kepada aspek kebersihan** sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.

1.2. Guru Penasihat Sukan dan Kokurikulum

- 2.2.1 merancang aktiviti **mengikut kesesuaian tempat/ruang** dalam kawasan sekolah dengan mengambil kira penjarakan fizikal;
- 2.2.2. melaksanakan aktiviti yang **berseesuaian dengan kemudahan peralatan** dan **mengikut ketetapan sekolah**;
- 2.2.3. melaksanakan aktiviti secara **bersemuka atau secara dalam talian**; dan
- 2.2.4. memastikan pelaksanaan aktiviti **mematuhi garis panduan** sedia ada.

2. Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum

2.1. Sebelum

- 3.1.1 Kehadiran guru/jurulatih dan murid **berdasarkan kepada jadual dan penggiliran aktiviti** sukan dan kokurikulum.
- 3.1.2 **Pelan susun atur disediakan** dengan mengoptimumkan penggunaan padang, gelanggang, dan ruang lain yang bersesuaian.
- 3.1.3 Peralatan berada dalam keadaan **bersih dan selamat** untuk digunakan.
- 3.1.4 Murid **digalakkan mengguna peralatan sendiri** seperti raket badminton, tali ikatan dan alat muzik.
- 3.1.5 Bilik mandi/persalinan/tandas berada **dalam keadaan bersih.**
- 3.1.6 Bilangan murid yang menggunakan bilik mandi/persalinan/ tandas dihadkan mengikut kapasiti bilik.

2.2. Semasa

- 3.2.1. Penjarakan fizikal dan prosedur sedia ada perlu dipatuhi bagi aktiviti berikut:
 - a. **satu (1) hingga tiga (3) meter bagi aktiviti statik** seperti aktiviti regangan dan memanaskan badan; dan

- b. **tiga (3) hingga lima (5) meter bagi aktiviti dinamik** seperti latihan sukan, kawad kaki dan tarian.

3.2.2 **Maklumat disampaikan secara lisan** tanpa melibatkan sentuhan fizikal. Sekiranya **penjarakan fizikal tidak dapat dilaksanakan atau sentuhan tidak dapat dielakkan, pemakaian pelitup separuh muka (face mask) dan mencuci tangan dengan sabun dan air/ pensanitasi** tangan (hand sanitizer) perlu diamalkan.

3.2.3 Murid hendaklah **membawa air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi sendiri** serta **tidak dibenarkan berkongsi** dengan murid lain.

2.3. Selepas

3.3.1. Peralatan **dibersihkan/ disanitasi dan disimpan dengan baik** selepas digunakan.

3.3.2. **Ruang/ tempat yang digunakan dibersihkan** selepas aktiviti dijalankan.

3.3.3. Murid **tidak dibenarkan bersentuhan dan bersalaman** selepas tamat aktiviti.

3.3.4. Murid dan guru/ jurulatih **perlu mencuci tangan dengan air dan sabun/ pensanitasi tangan** (hand sanitizer) selepas tamat aktiviti.

3.3.5. Murid dan guru/jurulatih **perlu meninggalkan kawasan aktiviti/ sekolah dengan kadar segera** selepas tamat aktiviti.

3. Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum dengan Pelibatan Agensi Luar

- 4.1 Agensi luar perlu mengambil tindakan seperti berikut:
 - 4.1.1 **mendapatkan kebenaran KPM** untuk melaksanakan aktiviti di sekolah;
 - 4.1.2 **mematuhi semua SOP yang ditetapkan** oleh KPM;
 - 4.1.3 memastikan jurulatih/ pengajar bukan guru/ peserta dari luar **merekod kehadiran dan mengimbas suhu** badan di pintu masuk utama sekolah **serta memakai pelitup separuh muka** (face mask) sebelum dan selepas aktiviti. Pemakaian pelitup separuh muka (face mask) semasa aktiviti tidak digalakkan;
 - 4.1.4 **mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/ penjaga** sekiranya aktiviti/ latihan yang melibatkan murid dilaksanakan di luar sekolah;
 - 4.1.5 memastikan murid dan guru/ jurulatih/ pengajar bukan guru serta peserta dari luar **mencuci tangan dengan air dan sabun/ pensanitasi tangan** (hand sanitizer) selepas tamat aktiviti;
 - 4.1.6 **memastikan peralatan yang digunakan secara berkongsi dibersihkan, disanitasi dan disimpan dengan baik;** dan
 - 4.1.7 memastikan murid dan guru/ jurulatih/ pengajar bukan guru serta peserta dari luar **meninggalkan kawasan sekolah dengan segera** selepas tamat aktiviti.

- TAMAT -

**PERSOALAN BERKAITAN DENGAN PELAKSANAAN AKTIVITI
SUKAN DAN KOKURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABAROKATUH

Merujuk kepada Taklimat yang telah disampaikan oleh En Halim bin dari Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 02hb September 2020, jam 10.00 pagi melalui Goggle meet kepada semua Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri-Negeri seluruh Malaysia.

Maka, persoalan yang merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Sukan dan Kokurikulum yang telah dikeluarkan BSKK, KPM adalah dirujuk ;

1. Adakah aktiviti sukan dan kokurikulum boleh dilaksanakan?

Ya, boleh dilaksanakan dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum serta kesesuaian pengoperasian sekolah. Perjarakan fizikal berdasarkan aktiviti statik (1 – 3 meter) dan dinamik (3 – 5 meter). **Sekiranya ianya tidak dapat dielakkan maka murid perlu membasuh tangan dan menggunakan sabun** sebelum dan selepas aktiviti. Penggunaan pelitup muka adalah digalakkan di mana kesesuaian.

2. Adakah pertandingan permainan dan kokurikulum antara rumah sukan/kelab/persatuan boleh dilaksanakan?

Ya, dengan mengambil kira penjarakan fizikal **berdasarkan kapasiti kawasan/ruang** dan mengutamakan keselamatan serta kebersihan.

3. **Adakah aktiviti Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) boleh dilaksanakan di luar bilik darjah?**

Ya, dengan mengambil kira penjarakan fizikal **berdasarkan kapasiti kawasan/ruang** dan **mengutamakan keselamatan serta kebersihan.**

4. **Berapa ramaikah bilangan murid yang dibenarkan menjalani aktiviti pada setiap perjumpaan?**

Bergantung kepada **kesesuaian waktu, aktiviti dan kapasiti kawasan atau ruang** dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan. Pihak sekolah juga **perlu mengambil kira modul persekolahan** yang di jalankan di sekolah.

5. **Adakah murid boleh berkongsi atau menggunakan peralatan sukan dan kokurikulum yang disediakan oleh pihak sekolah?**

Ya, peralatan perlu dibersihkan/disanitasi **sebelum dan selepas penggunaan jika berkongsi.** Sebaik-baiknya menggunakan peralatan sendiri.

6. **Adakah murid berimuniti badan yang rendah dibenarkan menyertai aktiviti sukan dan kokurikulum?**

Ya, dengan **kebenaran daripada ibu bapa/penjaga.**

7. **Adakah program pembangunan sukan peringkat MSSD dan MSSN boleh dilaksanakan ?**

Program pembangunan sukan dan kokurikulum peringkat daerah dan negeri **boleh dilaksanakan** dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan. Hanya **peringkat kebangsaan**

tidak dibenarkan. Sebarang bentuk pertandingan terutamanya melibatkan penonton dan perhimpunan tidak dibenarkan.

8. **Adakah program, penganjuran pertandingan/kejohanan sukan atau kokurikulum peringkat daerah, negeri dan kebangsaan boleh dilaksanakan ?**

Boleh dilaksanakan berdasarkan SOP dan sedang berkuatkuasa dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan dan memberi penekanan kepada aspek kebersihan sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan. (Para 2.1.9 dan 2.1.10.) dan Para 4. **Sebarang perhimpunan tidak dibenarkan.**

9. **Penglibatan pihak Agensi luar dalam program atau aktiviti sukan dan kokurikulum di sekolah dan luar sekolah ?**

Dibenarkan dengan mendapat kebenaran dari KPM

(Kebangsaan), JPN (Negeri) dan PPD (Daerah). Jika kebenaran telah diperolehi pada awal tahun maka tidak perlu lagi memohon kebenaran sebelum PKP. Jika masih belum perlu memohon kepada KPM, JPN atau PPD. Seterusnya perlu mendapat persetujuan daripada Pengetua atau Guru Besar di sekolah. Perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan KPM dalam para 4. (4.1.1 – 4.1.17.)

10. Pelibatan murid ke luar sekolah dalam latihan dan kem bakat untuk atlet SUKMA ?

- Atlet sekolah **dibenarkan jika tidak mengganggu PdP.**
- Bagi murid sekolah harian biasa **perlu mendapat kebenaran dari pihak sekolah dan ibubapa** terlebih dahulu.
- Bagi **murid asrama tidak dibenarkan keluar asrama kecuali pihak pengetua boleh memberi kebenaran khas.** (Kelulusan akan dibincangkan bersama Bahagian Sekolah Berasrama Penuh KPM – **keputusan akan dimaklumkan kemudian**)

11. Adakah aktiviti perkhemahan dibenarkan ?

Aktiviti perkhemahan masih **belum dibenarkan kerana melibatkan perhimpunan.** Ia akan dikaji oleh teknikal dan akan dimaklumkan kemudian. Namun atas aktiviti kokurikulum dan perhimpunan yang melibatkan kurang daripada 250 orang dibenarkan **jika mampu** memastikan semua GP dipatuhi.

Begitu juga **perkhemahan dan aktiviti di Pusat Kokurikulum masih belum boleh dibenarkan** kerana melibatkan perhimpunan yang masih berkuatkuasa.

12. Bagaimana Pemarkahan dalam PAJSK ?

Pelaksanaan perjumpaan aktiviti kokurikulum di sekolah bergantung kepada model persekolahan yang dipilih oleh pihak sekolah dan kemampuan pelaksanaannya mengikut budibicara pihak pentadbir sekolah. Perjumpaan yang melibatkan bersemuka dan alam maya (online) dikira hadir. Murid yang tidak mengikuti perjumpaan dan aktiviti dianggap tidak hadir. Pemarkahan PAJSK akan dimaklumkan kemudian (khususnya bagi perjumpaan kurang dari 12 perjumpaan).

13. Penggunaan kenderaan guru menghantar murid?

SPI dan surat siaran terdahulu masih terpakai dan mematuhi GP yang sedia ada berkuatkuasa.

-TAMAT-

Tambahan – Taklimat JPN Selangor 09 September 2020

1. Penginapan semasa program
Tidak dibenarkan
2. Jumlah/ bilangan perjumpaan aktiviti kokurikulum.
Tiada ketetapan dan mengikut kemampuan pelaksanaan sekolah.
3. PAJSK
Boleh dijalankan secara bersemuka/ online.
4. Aktiviti sukan olahraga
Boleh dijalankan dengan berselang lorong.
5. Pihak sekolah menjalankan aktiviti di premis luar sekolah.
Boleh dijalankan dengan bantuan PeBT memberi bantuan prosedur (sanitize dan penjarakan).
6. Adakah surat kebenaran menjalankan aktiviti akan dikeluarkan oleh JPN Selangor?
 - a. Ya, Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD akan mengeluarkan surat kebenaran tersebut.
 - b. Aktiviti peringkat negeri – JPN Selangor
 - c. Aktiviti peringkat daerah – PPD
7. Aktiviti Sekolah Sukan Negeri dan PLD.
 - a. Dibenarkan
 - b. Venue latihan SSN ke Stadium Mini KPM SMK USJ 23, Dewan MPC SMK Seksyen 7.
 - c. PLD SPTS dan PPD.
 - d. Astro turf Hoki KPM, PLN SMK Pengkalan Permatang.
 - e. Skuasy – SMK (L) Bukit Bintang.